

01/07/2001

Persatuan puji PM lantik Setiausaha Politik Cina

KUALA LUMPUR: Gabungan Ikatan dan Persatuan China Selangor dan Kuala Lumpur yang mewakili 37 persatuan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantik keturunan Cina sebagai salah seorang Setiausaha Politiknya.

Presidennya, Liew Poon Siak (gambar), berkata pelantikan itu menjadi landasan kaum Cina mengutarakan pandangan dan masalah kepada Perdana Menteri.

"Dengan pelantikan itu, ia dapat mewujudkan perhubungan lebih erat antara bukan Bumiputera dan Bumiputera," katanya, pada sidang akhbar Ucapan Terima Kasih Kepada Perdana Menteri Melantik Setiausaha Politik daripada kaum Cina.

Sokongan turut dilakukan dengan kehadiran wakil dari 37 persatuan yang bergabung dibawah persatuan berkenaan antaranya Persatuan Pekedai dan Pekerja Wilayah Persekutuan dan Selangor, Persatuan Pengeluar Ubat Cina Malaysia, Persatuan Pemilik dan Pemandu Teksi Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Persatuan Pemborong Pakaian Malaysia.

Rabu lalu, Matthias Chang Wen Chieh mengangkat sumpah sebagai Setiausaha Politik Perdana Menteri.

Chang, 51 adalah orang bukan Melayu pertama dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri.

Liew berkata, pelantikan itu adalah satu penghormatan kepada keseluruhan masyarakat Cina dan membuktikan keprihatinan Perdana Menteri terhadap keperluan pelbagai kaum di negara ini.

"Kami berjanji akan memberi sokongan sepenuhnya kepada Perdana Menteri dan akan bersama-sama kaum Melayu dan kaum-kaum lain di negara ini, melangkah ke hadapan dengan penuh tanggungjawab demi memenuhi harapan dan cita-cita serta aspirasi negara menerusi Wawasan 2020," katanya.

(END)